



HGM 238 EKONOMI DAN RUANG

SEMESTER II 2021/2022

SOALAN : SOALAN 2

Globalisasi boleh membawa kepada pembangunan ruang yang lebih seimbang. Bincangkan.

DISEDIAKAN OLEH:

NAMA	NO MATRIK
CHIENG SHAO LIANG	151568
CHRISALYN BULAN CHRISTOPHER	145719
EDVICCHIO DYNDOY EDMOND	152154

DISEDIAKAN UNTUK:

DR NOORIAH

TARIKH PENGHANTARAN:

10 JUNE 2022

Dewasa ini, tidak dapat dinafikan bahawa globalisasi merupakan suatu proses yang telah berlaku di dunia ini sejak akhir abad ke-20 dan awal abad ke-21 dan ianya masih berlaku pada hari ini, dan hal ini adalah penting dalam pembangunan sesebuah negara dari segi sosial, ekonomi dan juga teknologi. Menurut Kamus Dewan Edisi Ke-4, globalisasi dimaksudkan sebagai proses yang membolehkan sesuatu aktiviti ekonomi, kebudayaan dan sebagainya disebarluaskan atau diperluas ke peringkat antarabangsa atau ke seluruh dunia, terutamanya dengan adanya kemudahan sistem komunikasi, dasar terbuka dan lain-lain. Manakala Mittelman (1996) melihat globalisasi sebagai suatu fenomena sejagat, di mana merupakan cantuman pelbagai jenis proses rentas sempadan dan pelbagai struktur dalam negeri yang membolehkan ekonomi, politik, budaya dan ideologi sesebuah negara menembusi negara-negara lain. Secara umumnya, globalisasi yang berlaku di sesebuah negara akan membawa kepada pembangunan ruang bagi memenuhi keperluan era yang sentiasa berevolusi. Dalam konteks geografi, ruang boleh dikatakan merupakan tempat yang terdapat di atas permukaan bumi, yang mengandungi perairan dan daratan. Bukan itu sahaja, ruang juga merupakan cabang dari konsep geografi yang merupakan kajian menjurus kepada faktor dan cara masyarakat mengurus atau mengorganisasikan kegiatannya dalam ruang. Dengan itu, didapati bahawa pembangunan ruang yang seimbang adalah penting bagi sesebuah negara kerana pembangunan ruang merangkumi banyak perspektif, khususnya sosial, ekonomi dan juga teknologi. Perubahan dalam ketiga-tiga perkara ini dapat memberi kesan yang signifikan kepada pembangunan sejagat negara, sama ada secara positif atau negatif, pembangunan ruang yang seimbang juga mengambil perhatian terhadap kesan-kesan yang mungkin tertimbul akibat daripada pembangunan ruang kepada alam sekitar dan manusia.

Secara umumnya, proses globalisasi yang berlaku telah pasti akan membawa kepada pembangunan di sesebuah negara, khususnya pembangunan ruang. Dari segi ekonomi, proses globalisasi sebenarnya meningkatkan peningkatan ekonomi di dunia kerana hal ini telah membentuk jaringan hubungan yang baik melalui perdagangan dan pelaburan khususnya di negara-negara yang mengamalkan ekonomi terbuka seperti negara Malaysia kita sendiri dan juga negara-negara yang merupakan pelabur-pelabur utama di dunia seperti Amerika Syarikat dan negara China. Oleh itu, globalisasi telah membawa kepada pembangunan ruang yang lebih seimbang dari segi ekonomi, hal ini dapat dibincangkan dari segi impak positif dan juga impak negatif

daripada proses globalisasi yang telah berlaku serta contoh-contoh yang akan diberikan.

Proses globalisasi telah membawa impak positif kepada pembangunan ruang dari segi ekonomi, di mana berlakunya pelaburan rentas sempadan. Hal ini berlaku apabila liberalisasi ekonomi diamalkan oleh sesebuah negara kerana ini mewujudkan dasar pasaran bebas yang membenarkan pelabur-pelabur dari luar untuk memasuki negara lain tanpa sekatan. Secara ringkasnya, liberalisasi ekonomi bersifat terbuka dan membenarkan persaingan pasaran berlaku di mana bergantung kepada kuasa permintaan dan penawaran. Dengan itu, Malaysia yang mengamalkan dasar ekonomi terbuka telah menjadikannya salah satu pilihan pemodal-pemodal asing untuk menabur, menjalankan operasi syarikat atau kilang di tempat perindustrian. Sebagai contoh, Bayan Lepas yang merupakan tapak perindustrian di Pulau Pinang telah menjadi salah satu pilihan untuk pelabur asing untuk menjalankan operasi syarikat. Pelan ini telah berjaya menarik syarikat multinasional (MNC) dan berjaya menampung kegawatan ekonomi di Pulau Pinang, antaranya Intel, AMD, Bosch, ViTrox, Western Digital dan sebagainya. Menurut Utusan Harian, pelaburan pembuatan di Pulau Pinang telah mencatatkan jumlah nilai sebanyak RM76.2 bilion walaupun menghadapi cabaran pandemic COVID-19. Bagi memenuhi keperluan pelabur asing, kerajaan negeri telah membangunkan tapak perindustrian yang mempunyai kelengkapan seperti kemudahan infrastruktur yang baik, lokasi untuk tapak perindustrian ini juga dipilih berdasarkan kemudahan yang sedia ada seperti Lapangan Terbang Pulau Pinang, dan juga berhampiran dengan pinggir bandar seperti Bayan Baru yang juga dibangun kerana keperluan untuk menampung penduduk yang semakin bertambah. Menurut Nooriah (2006), kewujudan tapak perindustrian Bayan Lepas telah membolehkan syarikat MNC dalam meningkatkan kualiti kepada tahap dunia dari aspek seperti kos, kualiti, masa pengeluaran tetapi kurang terlibat dalam inovasi produk atau perkhidmatan baru. Dengan itu, jelaslah bahawa globalisasi bukan sahaja membawa kepada peningkatan ekonomi di sesuatu tempat, tetapi pembangunan yang seimbang juga diambil perhatian bagi memenuhi keperluan semasa.

Seterusnya, proses globalisasi juga telah membawa kepada pembangunan ruang yang seimbang dari segi ekonomi, di mana perubahan struktur ekonomi berlaku. Struktur ekonomi bagi sesebuah negara ialah peringkat-peringkat pengeluaran yang terdiri daripada sektor-sektor ekonomi berdasarkan aktiviti manusia yang dijalankan.

Pada zaman tahun 60-an dan awal 70-an, sektor pertanian merupakan sektor yang sangat penting kepada ekonomi Malaysia kerana pada masa tersebut perkilangan dan perindustrian belum menjadi keutamaan ekonomi di Malaysia. Namun begitu, masalah yang tertimbul dalam sektor pertanian iaitu ketidakstabilan harga komoditi telah menyebabkan pendapatan negara merosot dan mendorong rakyat untuk mencari pekerjaan yang berpotensi seperti sektor pembuatan. Bersamaan dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB), tujuan untuk meningkatkan pendapatan dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan telah membenarkan pelabur-pelabur asing untuk membina kilang di Malaysia serta mewujudkan peluang pekerjaan kepada pekerja tempatan sejak tahun 1970-an. Sebagai kesannya, sumbangsan pertanian kepada pendapatan semakin berkurangan manakala sektor pembuatan dan pembinaan telah menunjukkan peningkatan. Bukti, peratus pekerjaan sektor pertanian kepada KDNK negara adalah sebanyak 28.8 peratus dan angka ini telah menurun kepada 6.8 peratus pada tahun 2021. Menurut Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, penurunan peratus ini disebabkan oleh kewujudan sektor pembuatan sebagai pemangkin dalam mencapai Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan juga ekonomi perkhidmatan yang berbangkit di Malaysia sejak 1990-an. Dengan itu, boleh didapati bahawa pembangunan ruang di Malaysia adalah seiring dengan proses globalisasi apabila perubahan struktur ekonomi berlaku, di mana sektor pertanian yang dulunya menjadi perdagangan terpenting telah berubah kepada sektor perkhidmatan dan sektor pembuatan yang mampu menggerakkan pembangunan ruang di Malaysia dari segi ekonomi, infrastruktur dan sebagainya.

Namun begitu, dalam mencapai pembangunan ruang yang lebih seimbang, juga terdapatnya impak negatif yang dihadapi akibat proses globalisasi. Antaranya, penjajahan ekonomi boleh berlaku. Liberalisasi ekonomi yang diamalkan oleh sesebuah negara telah membenarkan pelabur asing untuk keluar masuk bebas negara tersebut tanpa apa-apa sekatan kerajaan, hal ini telah menyebabkan pemodal-pemodal untuk memonopolikan ekonomi di sesebuah negara. Perkara ini selalunya berlaku di negara sedang membangun seperti negara Malaysia kerana negara kita sangat bergantung kepada syarikat multinasional (MNC) dan juga pelaburan langsung asing (FDI) dalam meningkatkan ekonomi negara dan tahap teknologi di negara. Bukan itu sahaja, penjajahan ekonomi juga boleh membawa kesan negatif kepada ekonomi negara yang serius jika tidak ditangani. Sebagai contoh, kisah serangan spekulator yang dilaku oleh George Soros yang memanipulasikan nilai

Pound Sterling pada tahun 1997 telah menyebabkan kejatuhan Bank Negara England dan juga menimbulkan krisis kewangan 1997. Hal ini juga telah memberikan kesan yang besar kepada Malaysia sehinggalah nilai ringgit Malaysia turun dari RM2.50 setiap dollar AS kepada RM4.80 setiap dollar AS, kerajaan Malaysia juga telah membelanja beberapa billion dalam menstabilkan ekonomi Malaysia. Dengan itu, boleh dilihat bahawa pembangunan ruang yang seimbang melalui globalisasi boleh membawa impak negatif kepada sesebuah negara iaitu penjajahan negara jika sesebuah negara tersebut sangat bergantung kepada negara maju.

Selain itu, impak negatif yang dibawa ialah persaingan IKS dengan syarikat asing. Dari segi organisasi, industri kecil dan sederhana hanya mempunyai organisasi yang kecil sahaja berbanding syarikat besar asing, serta terdapatnya pasaran kukuh dan manfaat sedia ada seperti mempunyai teknologi yang canggih, buruh yang mahir, modal yang besar, mempunyai cawangan yang banyak, kuasa jenama yang mempengaruhi pasaran dunia dan sebagainya. Manakala jelasnya kelemahan industri kecil dan sederhana (IKS) dari segi modal, harga, kualiti dan sebagainya, ini menyebabkan IKS adalah hilang daya saing untuk berbanding dengan firma-firma besar di pentas pasaran dunia. Hal ini telah menyebabkan firma-firma besar seperti syarikat multinasional mendapat keuntungan yang lumayan berbanding IKS, dan menyebabkan IKS terjejas dan berkemungkinan menghadapi muflis. Dengan itu, boleh dikatakan bahawa pembangunan ruang yang seimbang dalam proses globalisasi boleh menyebabkan daya saing yang kuat di antara firma tempatan dan juga firma antarabangsa yang mempunyai manfaat.

Selain itu, globalisasi juga membawa kepada pembangunan ruang yang seimbang dalam aspek teknologi. Teknologi adalah kemudahan yang dimajukan dan digunakan manusia dalam mengembangkan pelbagai aspek sama ada ekonomi, sosial, politik dan perindustrian. Dalam pada itu, teknologi maklumat dan komunikasi merupakan satu teknologi digital yang sentiasa berkembang kerana penggunaan teknologi dan maklumat yang digunakan secara meluas dalam pelbagai bidang yang terdapat dalam dunia moden ini. Teknologi dan globalisasi sememangnya sentiasa saling berkait antara satu sama lain. Hal ini dikatakan demikian kerana perkembangan teknologi yang berlaku secara berterusan sepanjang peradaban manusia merupakan antara pemangkin utama kepada globalisasi. Dalam pada itu, globalisasi juga menggalakkan berlakunya perkembangan dalam aspek teknologi dan maklumat di dunia kerana melalui globalisasi ini pelbagai teknologi dan maklumat yang baru dapat

diterokai, dihasilkan atau dipertingkatkan demi mencapai permintaan masyarakat dunia yang semakin bergantung kepada teknologi digital secara sepenuhnya. Sehubungan dengan itu, globalisasi yang menggalakkan perkembangan aspek teknologi dan maklumat ini juga menyebabkan dua impak yang berbeza iaitu impak positif dan impak negatif.

Proses globalisasi telah memberi impak positif kepada pembangunan ruang dari segi teknologi iaitu faktor jarak dan masa tidak lagi mempengaruhi ruang dan tempat seperti keadaan yang berlaku sebelum kewujudan teknologi yang moden dan canggih. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui perubahan dan kecanggihan teknologi moden, struktur bandar dan wilayah juga mengalami perubahan. Hal ini berlaku apabila jentera-jentera moden yang berteknologi tinggi dapat mengatasi rintangan geografi seperti aspek bentuk muka bumi di sesuatu lokasi. Selain itu, pembangunan teknologi moden juga membantu dalam menghubungkan satu pihak dengan satu pihak yang lain walaupun kedua pihak ini berada dalam lokasi yang berbeza dan berjarak jauh. Tambahan pula, perbezaan masa yang wujud antara dua lokasi berbeza ini juga tidak menjadi penghalang kepada dua pihak ini untuk saling berhubung melalui teknologi moden.

Impak positif kepada pembangunan ruang dari segi teknologi melalui globalisasi yang seterusnya adalah mewujudkan masyarakat rangkaian atau *Network Society* di sesuatu lokasi yang mengalami globalisasi. Menurut Jones (2003), revolusi maklumat yang berlaku pada era moden ini menjadi pendorong kepada perkembangan atau ledakan masyarakat rangkaian. Hal ini dikatakan demikian kerana revolusi maklumat yang berlaku akibat daripada globalisasi telah mengubah cara manusia berkomunikasi daripada aspek masa dan ruang. Masa dan ruang yang berbeza tidak lagi menjadi penghalang kepada manusia untuk saling berhubung dan berkomunikasi antara satu sama lain kerana berlakunya perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi. Hal ini kerana kewujudan Internet dan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi telah melahirkan dunia maya bagi manusia saling berhubung dan berinteraksi di samping dunia yang nyata. Perkembangan ini juga telah mewujudkan satu bentuk komunikasi yang baru yang dikenali sebagai media sosial. Melalui kemudahan teknologi dan maklumat, laman jaringan sosial digunakan dengan meluas oleh pelbagai kumpulan pengguna yang juga daripada pelbagai peringkat umur seperti pelajar, ahli politik, organisasi korporat, golongan pemikir dan banyak lagi dalam

pengajaran dan pembelajaran, pengongsian ideologi politik, perhubungan awam dan juga dalam pengiklanan produk perniagaan.

Selain itu, perkembangan teknologi dan maklumat ini memudahkan lagi pengurusan dan kerja-kerja seharian dalam kehidupan manusia. Sebagai contoh, pengurusan kapitalisme seperti dalam aspek kewangan dan perbankan adalah bersifat global dan secara majoritinya dikendalikan secara elektronik melalui kewujudan teknologi digital yang moden dan canggih. Sehubungan dengan itu, menurut Castell (2000), perubahan yang berlaku ini adalah suatu bentuk transformasi terhadap masyarakat kontemporari di seluruh dunia dan keadaan inilah yang mewujudkan masyarakat rangkaian.

Di samping itu, proses globalisasi juga mendarangkan impak positif dalam peranan dan konsep ruang dan pembangunan. Pengaruh ruang yang sebelum ini bertindak sebagai pemisah yang menempatkan negara mengikut blok dan sistem ekonomi dan menghasilkan jurang yang besar semakin hilang akibat daripada proses globalisasi. Hal ini berlaku kerana ledakan dan perkembangan teknologi dan maklumat yang membantu negara sedang membangun untuk bangkit dan menyaingi negara-negara maju. Tambahan pula, negara-negara miskin juga mula menggunakan teknologi yang moden dan digital sebagai medium untuk negara tersebut terus maju dan berkembang untuk mengatasi masalah kemiskinan yang dimiliki negara-negara ini. Seterusnya, perkembangan teknologi dan maklumat melalui proses globalisasi ini juga memberi impak yang signifikan terhadap penggunaan ruang di sesuatu kawasan bandar. Hal ini berlaku kerana permintaan ke atas ruang-ruang atau kawasan untuk perniagaan semakin berkurang dengan kewujudan platform yang baru iaitu perniagaan atas talian. Perniagaan atas talian semakin menjadi tarikan dan medium utama buat masyarakat di kawasan bandar dan luar bandar untuk bermiaga atau membeli belah kerana perniagaan atas talian ini menyediakan perkhidmatan yang lebih efektif dan menjimatkan kos, masa dan tenaga fizikal. Antara contoh perkhidmatan perniagaan atas talian adalah “Online shopping”, “e-commerce”, dan “e-banking”. Melalui kaedah perniagaan atas talian ini, bayaran sewa untuk ruang perniagaan di kawasan bandar dapat dikurangkan pada kadar yang minimum yang kemudiannya mengurangkan kos pengeluaran. Oleh itu, globalisasi membawa pembangunan ruang yang seimbang dalam aspek teknologi dan maklumat.

Namun begitu, proses globalisasi yang berlaku dalam aspek teknologi dan maklumat ini juga memberi impak yang negatif kepada kehidupan manusia.

Perkembangan teknologi dan maklumat telah menyebabkan kemajuan dan perkembangan sektor-sektor perindustrian, perkhidmatan, perniagaan, pembinaan dan pelbagai lagi sektor lain bergantung kepada teknologi. Kebergantungan sektor-sektor tersebut terhadap teknologi digital untuk terus maju dan berkembang menyebabkan tenaga manusia semakin dipinggirkan. Hal ini menyebabkan banyak pekerjaan yang sebelum ini dikendalikan oleh tenaga manusia akhirnya digantikan dengan mesin dan teknologi digital yang moden. Kecanggihan, ketelitian dan waktu bekerja yang tidak mempunyai had masa merupakan antara ciri-ciri yang dimiliki mesin dan teknologi digital yang menyebabkan teknologi ini menjadi pilihan utama dalam pelbagai sektor berbanding tenaga manusia. Oleh itu, hal ini menyebabkan peluang pekerjaan semakin berkurang dan hal ini menyebabkan berlaku peningkatan dalam kadar pengangguran. Sehubungan dengan itu, peningkatan kadar pengangguran ini secara tidak langsung mempengaruhi kehidupan sosial masyarakat di sesuatu kawasan. Ketiadaan pekerjaan menyebabkan masyarakat kehilangan sumber pendapatan untuk menampung kehidupan sehari-hari mereka. Hal ini menyebabkan berlaku peningkatan dalam kes jenayah kerana masyarakat yang menganggur memilih untuk melakukan pelbagai jenayah demi mendapatkan sumber wang untuk menampung kehidupan sehari-hari mereka. Justeru itu, proses globalisasi dalam pembangunan ruang dalam aspek teknologi dan maklumat ini juga mendatangkan kesan yang negatif kepada kehidupan masyarakat.

Seterusnya, globalisasi juga boleh membawa kepada pembangunan ruang dari segi sosial. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, sosial didefinisikan sebagai segala sesuatu yang berkaitan dengan masyarakat atau kemasyarakatan. Sosial juga berkaitan dengan persahabatan dan pergaulan. Dalam erti kata lain, ia merupakan ilmu kemasyarakatan yang menekankan bahawa setiap individu adalah masyarakat yang bersatu atau bekerjasama dengan ikatan-ikatan kepercayaan, kebudayaan dan agama. Jika dilihat dari sudut pandang Abdul Rahman Embong dalam menyatakan tujuan globalisasi, ia bertujuan untuk menarik modal, teknologi dan kepakaran asing. Namun begitu, pada era ini, globalisasi bukan sahaja untuk menarik perkara tersebut masuk ke dalam sesebuah negara, tetapi ia juga berkaitan dengan manusia iaitu sosial manusia. Dimana perkara ini didorong oleh nilai-nilai sedia ada yang terdapat didalam sesebuah kawasan atau ruang. Contoh globalisasi sosial terbaik yang dapat kita lihat adalah dari negara Jepun. Dimana mereka mengamalkan dasar buka pintu sehingga berjaya mengembangkan potensi yang ada di Jepun. Misalnya dari segi teknologi,

ilmu pengetahuan dan perluasan kuasa. Jepun mulai mengamalkan dasar buka pintu semasa Pemerintahan Meiji. Secara tidak langsung, perkara ini berjaya membawa ke arah pemodenan Jepun sehingga ke hari ini. Jelaslah bahawa, melalui contoh ini, globalisasi mampu mengecilkan ruang dunia dari segi sosial. Hal ini kerana, pada masa kini, dengan adanya teknologi di hujung jari, segala perkara dapat dikongsikan dengan mudah dan sosial masyarakat dunia adalah tanpa batas ruang serta waktu termasuk dalam urusan membangunkan negara. Dimana perbincangan boleh dilakukan secara atas talian tanpa pentadbir atau pemerintah turun padang ke kawasan sebenar. Dalam penerangan bahagian ini, sosial dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu budaya, pendidikan dan agama.

Dalam mendepani globalisasi, ia tidak hanya berkaitan dengan hubungan antara pelbagai pelosok dunia namun ia juga berkaitan dengan perkembangan budaya. Hal ini demikian kerana, walaupun kita berada di ruang atau kedudukan kita saat ini iaitu di Malaysia, namun dengan adanya pengaruh globalisasi, kita dapat dihubungkan dengan ruang lain melalui media. Perkara ini sekaligus membawa impak yang positif dan negatif kepada budaya sedia ada sesebuah ruang. Hal ini demikian kerana, budaya sedia ada akan dipengaruhi oleh budaya-budaya luar. Perkara ini akan menjadi semakin merisaukan apabila masyarakat tempatan menyerap budaya tersebut dan mengaplikasikannya dalam budaya sedia ada. Hakikat ini diakui oleh Pieterse yang berpendapat bahawa dalam proses globalisasi, budaya tempatan atau *introvert culture* telah lama wujud namun begitu budaya ini diabaikan ke belakang oleh budaya luar atau lebih dikenali sebagai *translocal culture*. Kesannya pada masa kini, kita dapat melihat pelbagai unsur sosial budaya semakin menonjol kehadapan terutamanya di negara seperti negara kita Malaysia. Maksudnya disini, pada masa kini, sangat sukar untuk meletakkan nilai moral dalam asimilasi budaya luar dengan budaya tempatan. Perkara ini membawa kepada kesukaran membentuk generasi akan datang yang penuh dengan nilai moral. Contohnya, pada masa kini ramai remaja terlibat dengan gaya hidup yang tidak sihat seperti mengambil dadah, melepak, minum minuman keras dan menghabiskan masa di klub malam. Dimana budaya ini bukan budaya tempatan. Namun begitu, dapat ditiru atau diketahui oleh individu melalui media sosial dan media massa yang ada. Jadi perkara ini mendorong remaja yang mempunyai rasa ingin tahu yang tinggi untuk mencuba perkara tersebut sehingga menjerumus mereka dalam ketagihan dan kancah negatif.

Namun begitu, tidak dinafikan bahawa, globalisasi sosial juga membawa dampak yang positif. Dimana ciri sosial budaya ini tidak hanya dilihat dari segi budaya atau adat resam sahaja namun dari segi agama juga. Walaupun dampak positif bagi globalisasi sosial adalah sangat jarang berbanding skop yang lain, namun ia tetap memberi contoh atau faedah yang sangat berguna kepada negara. Misalnya, Malaysia menginterpretasikan budaya kerja pandang ke Timur yang diinspirasikan dari negara Jepun dalam kehidupan. Melalui cara ini, budaya kerja di negara Malaysia semakin menuju ke arah yang lebih efektif. Selain itu, globalisasi meningkatkan kerjasama Malaysia dan negara-negara lain dalam misi kemanusiaan. Dimana Malaysia telah banyak membantu dan melibatkan misi-misi kemanusiaan di pelbagai negara untuk membantu meringankan beban penduduk di kawasan tersebut. Bantuan diberikan dari segi tenaga, kewangan, makanan, pendidikan dan perubatan. Contoh terdekat adalah, baru-baru ini Malaysia telah menghantar 12 sukarelawan dibawah NGO ke negara Afganistan susulan krisis kemanusiaan yang melanda negara tersebut. Perkara ini jelas menunjukkan solidariti rakyat negara Malaysia kepada rakyat diluar sana walaupun berbeza negara dan budaya. Namun perkara ini tidak menghalang Malaysia daripada terus menghulurkan bantuan. Hal ini demikian kerana, hubungan diplomatik hasil daripada globalisasi telah wujud sekian lama dan mempengaruhi sosial masyarakat. Jadi, Malaysia komitmen dalam menjaga hubungan sesama negara dan manusia.

Selain dari segi misi kemanusiaan, globalisasi berjaya dari segi budaya bahasa. Dimana kesan dari globalisasi, Bahasa Inggeris telah menjadi alat perhubungan dan komunikasi utama di peringkat antarabangsa atau global. Hal ini membuktikan kejayaan globalisasi bahasa yang diterajui oleh Amerika Syarikat. Sehingga ke hari ini, tiada bahasa lain yang mampu menggantikan Bahasa Inggeris sebagai bahasa utama global. Dimana ia digunakan dalam urusan rasmi mahupun pergaulan harian. Perkara ini secara tidak langsung memudahkan perhubungan dan komunikasi antara negara atau rakyat. Kedua-dua pihak saling memahami bahasa yang diucapkan dan meningkatkan lagi kefahaman terhadap perkara yang dibincangkan tanpa rasa ragu. Jika tiada globalisasi dari segi bahasa, jurubahasa boleh mengeksploitasi pihak lain. Namun begitu, dengan adanya Bahasa Inggeris, dapat mengelakkan perkara ini daripada berlaku. Dari segi bahasa, di Malaysia sendiri, Bahasa Inggeris adalah

bahasa kedua negara kita. Dimana Bahasa Inggeris juga salah satu subjek wajib lulus di Malaysia.

Akhirnya adalah pendidikan peringkat tinggi. Dimana berlakunya pengantarabangsaan pendidikan kesan daripada kesedaran pemimpin bahawa persaingan hebat antara negara pada masa kini tidak hanya berfokus pada kekuatan fizikal tetapi turut dilihat dari kemampuan untuk bersaing hingga ke peringkat global. Daya saing yang tinggi ini adalah dari segi ekonomi yang semakin pesat dari hari ke hari. Jadi perkara inilah yang mendorong kepada keperluan tenaga mahir untuk menyumbang dalam pemikiran R&D. Oleh itu, untuk menyesuaikan keadaan ini, universiti telah membentuk kurikulum akademik yang selaras dengan dunia sebenar bagi menghasilkan tenaga mahir hingga ke peringkat antarabangsa dan melahirkan modal insan yang berdaya saing. Pengantarabangsaan pendidikan tinggi telah banyak memberi kesan yang positif. Hal ini demikian kerana, ramai mahasiswa dan mahasiswi luar negara masuk ke universiti tempatan. Perkara ini secara tidak langsung memberi kesan positif kepada negara. Hal ini demikian kerana, pelajar-pelajar antarabangsa ini membawa pemahaman dan perspektif sebenar yang lebih luas jika perkara tersebut mempunyai kaitan dengan negara asal mereka. Pelajar tempatan juga akan mengetahui keperluan sebenar di negara mereka dan perkara ini membolehkan kita terlibat untuk melakukan penambahbaikan atau kerjasama. Namun begitu, masih terdapat kontra bagi perkara ini. Kontra adalah dari segi kualiti pendidikan jikan di negara asal mereka, terutamanya dari negara maju, kelengkapan adalah sangat lengkap. Namun begitu, apabila menyambung pengajian di tempat lain, peralatan terkini untuk pendidikan dan penyelidikan adalah terhad disebabkan oleh sumber kewangan dan tenaga manusia yang tidak mencukupi. Jadi jelaslah bahawa, arus globalisasi memberi impak positif dan negatif dari segi sosial budaya, pendidikan dan perhubungan yang turut mempunyai sifat kaitan dengan skop yang lain.

Kesimpulannya, globalisasi tidak hanya memberi kesan yang positif kepada negara, malah turut memberi kesan yang negatif. Terutamanya dalam bidang-bidang seperti dibincangkan iaitu sosial, ekonomi dan teknologi. Selain bidang ini banyak lagi bidang lain yang turut dipengaruhi oleh arus globalisasi. Jika ingin dilihat dari sudut negatif, negara membangun banyak terkesan. Dari sudut positif, banyak memberi kebaikan kepada negara maju. Walaupun banyak dampak negatif di negara membangun, masih banyak dampak positif yang boleh diperkasakan dari hari ke hari.

Oleh itu, transformasi mengikut arus globalisasi ini haruslah dilakukan secara holistik dan sistematik. Misalnya dengan menyediakan pelan yang pragmatik. Hal ini demikian supaya, objektif yang ingin dicapai hasil daripada asimilasi globalisasi dapat dicapai. Kerjasama dari semua pihak amatlah penting dalam usaha ini. Hal ini demikian kerana, tanpa kerjasama dan persetujuan dari semua mustahil sesuatu perancangan tersebut menjadi nyata. Oleh itu, kerjasama hendaklah dibentuk dari peringkat rendah hingga tinggi.

RUJUKAN

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2016). sosial. In *Kamus Dewan Edisi Keempat* (4th ed.).

[#LIHATSINI](https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=SOSIAL&d=102572)

Abd Bachik, Norsyafiqah, & Morshidi, Azizan. (2017, March). *Industri Kecil dan Sederhana di Malaysia*. ResearchGate.

https://www.researchgate.net/publication/315456803_INDUSTRI_KECIL_DAN_SEDERHANA_DI_MALAYSIA?channel=doi&linkId=58d0cf0fa6fdcc344b0c7468&showFulltext=true

(2007). Kamus dewan: Ed. keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Globalisasi ekonomi. (2011, June 12). Wikipedia, ensiklopedia bebas. Retrieved June 10, 2022, from https://ms.wikipedia.org/wiki/Globalisasi_ekonomi

Golam Hassan, Asan Ali & Mustafa, Muszafarshah. (2004). *Prognosis Pembangunan Dan Transformasi Struktur*. UUM Press.

Indikator Terpilih Pertanian, Tanaman dan Ternakan, Malaysia, 2006-2010. (2011). Department of Statistics Malaysia. https://www.dosm.gov.my/v1/images/stories/files/LatestReleases/indicator/Ringkasan_Indikator_Terpilih_Pertanian_Tanaman_dan_Ternakan2006-10.pdf

Krisis Kewangan Asia 1997 - Malaysia Mendepani Krisis Luar. (2021, September 1). iSaham.

<https://www.isaham.my/blog/krisis-kewangan-asia-1997-malaysia-mendepani-krisis-luar>

Malaysia terlalu bergantung kepada syarikat multinasional, FDI - Laporan. (2019, October 11). Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/10/616451/malaysia-terlalu-bergantung-kepada-syarikat-multinasional-fdi-laporan>

Persaingan dalam pasaran domestik, antarabangsa terus meningkat. (2016, April 4). Utusan Borneo Online | Citra Generasi Prihatin. <https://www.utusanborneo.com.my/2016/04/04/persaingan-dalam-pasaran-domestik-antarabangsa-terus-meningkat>

Safina, R. (2022, June 3). *Pulau Pinang catat pelaburan pembuatan tertinggi RM76.2 bilion tahun lalu*. Utama - Utusan Digital. <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/06/pulau-pinang-catat-pelaburan-pembuatan-tertinggi-rm76-2-bilion-tahun-lalu/>

Spatial planning. (2004, July 27). Wikipedia, the free encyclopedia. Retrieved June 10, 2022, from https://en.wikipedia.org/wiki/Spatial_planning

Struktur Ekonomi Negara. (2011, November 2). Cikgu Ismail. Retrieved June 9, 2022, from <https://ismailmdnor.blogspot.com/2011/11/struktur-ekonomi-negara.html>

Zainuddin, M. Z. (2021, December 6). *Sumbangan pertanian kepada dagangan negara merosot.* Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/12/895812/sumbangan-pertanian-kepada-dagangan-negara-merosot>

Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas. (2005, August 24). Wikipedia, ensiklopedia bebas. Retrieved June 8, 2022, from https://ms.wikipedia.org/wiki/Zon_Perindustrian_Bebas_Bayan_Lepas#cite_note-0-13

Bell, D. 1979. The Social Framework of the Information Society. Dlm. Forrester, T. (pnyt.).*The Microelectronics Revolution*, hlm. United States of America: Blackwell.

Castells, M. 2000.*The Rise of the Network Society*. Oxford: Blackwell.

Jones, P. 2003. *Introducing Social Theory*. United Kingdom: Polity Press.